

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7/12/2010

## Dr. Mahathir dirai pelakon *Natrah*

UM 7/12/2010

KUALA LUMPUR 6 Dis. – Walaupun hanya akan menyambut hari jadi ke-85 pada 20 Disember ini, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad diraikan lebih awal dengan satu kejutan istimewa malam tadi.

Kehadirannya di Istana Budaya (IB) untuk menonton teater yang sedang dipentaskan di Panggung Sari digunakan oleh pelakon untuk meraikan hari jadi beliau.

Ternyata, beliau kelihatan terharu sebaik sahaja dua pelakon *Natrah*, Maya Karin dan Remy Ishak membawa masuk pulut kuning sambil diiringi lagu *Allah Selamatkan Kamu*.

Dr. Mahathir yang ditemani isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali diberi sambutan yang meriah oleh barisan produksi teater itu yang diketuai pengarahnya, Erma Fatima.

Turut hadir Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan isteri, Datin Seri Masnah Rais.

Tidak ketinggalan hadir ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Ketua Pengarah IB, Mohamed Juhari Shaarani.

Terlebih dahulu, Dr. Mahathir diberi penghormatan oleh Erma apabila pengarah itu mendeklamasikan sajak bertajuk *Perjuanganmu Yang Belum Selesai*.

Teater *Natrah* yang mula dipentaskan di IB 25 November lalu mendapat sambutan hebat dan dilanjutkan sehingga 7 Disember ini.

Disokong oleh Kumpulan Utusan selaku media rasmi, teater itu turut dibintangi Datin Sofia Jane, Datin Paduka Umie Aida, Ziela Jalil, Fizz Fairuz dan ramai lagi.



DR. Mahathir Mohamad disuap pulut kuning oleh Siti Hasmah Mohd. Ali disaksikan para pelakon *Natrah* di Istana Budaya, Kuala Lumpur, semalam.